

**FENOMENA TABARRUJ DALAM KALANGAN GURU WANITA
MUSLIMAH DI DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR**

SARIMAH BINTI NORDIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Sarjana Falsafah

**Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia**

SEPTEMBER, 2017

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Illahi kerana limpah kurnia-Nya dan inayah-Nya dapat saya menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna bagi memenuhi syarat penganugerahan Sarjana Falsafah Tamadun Islam.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua penyelia saya, Dr Sulaiman Shakib bin Mohd Noor dan Dr Mohd al-‘Ikhsan bin Ghazali yang banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan panduan sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan buat suami tercinta Mohamad Yazid bin Selamon kerana memahami dan banyak memberi galakan serta semangat yang berterusan sepanjang penyelidikan ini. Istimewa buat anak-anak Ummy, Muaz, Adam, Sofea dan Balqis serta permata hati yang bakal menyinari keluarga kami tidak lama lagi yang merupakan pembakar semangat dan motivasi. Juga kepada ibu tersayang, Zainab bt Daud dan ibu mertua saya, Morsiah bt Shahid. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah, majikan dan rakan-rakan seperjuangan di atas bantuan dan idea yang bernas. Tidak lupa juga kepada pihak yang terlibat dalam kajian ini iaitu guru-guru wanita Muslimah daerah Sabak Bernam dan anak-anak didik saya kerana telah memberikan kerjasama sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini.

ABSTRAK

Fenomena Tabarruj yang bermaksud wanita berhias dengan berlebih-lebihan dan menampakkan bahagian tubuh dan perhiasan mereka di hadapan lelaki yang bukan mahram semakin membimbangkan mutakhir ini termasuklah dalam kalangan guru-guru Muslimah yang tergolong sebagai pegawai perkhidmatan awam di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji fenomena tabarruj dari segi persepsi, pemahaman dan pengamalan guru wanita Muslimah di Daerah Sabak Bernam. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mendorong guru-guru Muslimah bertabarruj ketika bekerja, mengenalpasti perbezaan dari sudut amalan bertabarruj dalam kalangan mereka berdasarkan latar belakang demografi, dan terakhirnya mengkaji hubungan antara persepsi dan amalan bertabarruj dalam kalangan mereka. Metod kajian yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif. Data-data di kumpul dan direkodkan bagi tujuan analisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS 20.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min bagi setiap item soalan yang diberikan kepada sejumlah 215 orang responden. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru wanita Muslimah merekodkan tahap persepsi yang tinggi dengan nilai min 2.83. Begitu juga pemahaman responden terhadap Tabarruj yang tinggi dengan nilai min 3.58, manakala pengamalan Tabarruj mereka di tahap yang sederhana iaitu 1.7 dan faktor mereka bertabarruj pula 1.98. Data juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara amalan bertabarruj dalam kalangan guru wanita Muslimah berdasarkan latar belakang demografi sama ada dari segi umur, pengalaman mengajar, pendapatan dan aliran responden. Namun kajian mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara persepsi dan pengamalan bertabarruj guru wanita Muslimah di Daerah Sabak Bernam. Kajian ini diharap dapat memberi impak dari sudut memberi maklumat barharu kepada Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya dalam membuat penambahbaikan terhadap etika pemakaian pegawai perkhidmatan awam wanita Muslimah pada masa hadapan yang mengutamakan penampilan yang memiliki ciri ketatasusilaan dan tidak bertabarruj yang melampaui batasan Syarak.

ABSTRACT

Tabarruj is the current phenomenon when women are exaggerated by revealing their body parts and jewellery in front of non-mahram men. This phenomenon is increasingly worrying among Muslim teachers who are civil servants in Malaysia. The objective of this study are to examine the *tabarruj* phenomenon in terms of perception, understanding and practice of Muslim women who serve as teachers in Sabak Bernam District. The study also aims to identify the factors that persuade Muslim teachers in the Sabak Bernam District to practice *tabarruj* during work, identify the differences of *tabarruj* practices based on the demographic background and lastly examine the relationship between perceptions and *tabarruj* practices among them. Quantitative method has been used in this study. The data were collected and recorded for analysis purposes using IBM SPSS 20.0 software to obtain the frequency, percentage and mean value of each question item given to 215 respondents. The results of this study showed that Muslim teachers recorded a high level of perception with a mean value of 2.83. Likewise, the understanding of *tabarruj* is high with a mean value of 3.58, while their *tabarruj* practice are at a moderate level with a mean value of 1.7 and their factor was 1.98. The data also showed no significant difference between *tabarruj* practices among Muslim women teacher based on demographic background in terms of age, teaching experience, income and specialisation of the respondents. However, the study found that there was a significant relationship between perceptions and *tabarruj* practices among Muslim women teachers in the Sabak Bernam District. This study is expected to have an impact in giving new information to the Ministry of Education Malaysia in particular to make improvement for the dress code of civil servant women in the future which prioritise an ethical appearance and prevent *tabarruj* beyond the Sharia limit

ISI KANDUNGAN

BAB PERKARA	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
JADUAL TRANSLITERASI	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GRAF	xiii
SENARAI SINGKATAN/ SIMBOL	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang masalah	2
1.3 Penyataan masalah	4
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan kajian	8
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Kepentingan kajian	9
1.8 Batasan kajian	11

1.9	Kerangka teori	12
1.10	Definisi Istilah	16
1.10.1	Fenomena	16
1.10.2	Tabarruj	16
1.10.3	Guru	17
1.11	Kesimpulan	18
2	SOROTAN KAJIAN	20
2.1	Pengenalan	20
2.2	Konsep aurat	21
2.3.1	Dalil Kewajipan menutup aurat	24
2.3.2	Batas-batas aurat	27
2.3	Konsep Tabarruj	31
2.3.1	Hikmah di sebalik pensyariatan larangan bertabarruj	39
2.3.2	Fenomena tabarruj dalam kalangan wanita muslimah masa kini	41
2.3.3	Kesalahan wanita dalam fenomena tabarruj masa kini	56
2.3.5	Garis panduan pakaian yang menutup aurat dan tabarruj yang dibenarkan	58
2.3.6	Keperluan Wanita Bekerja dan Etika Berpakaian bagi Kakitangan Awam Wanita	66

2.4	Kajian terdahulu	69
2.5	Kesimpulan	71
3	METODOLOGI KAJIAN	72
3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka bentuk kajian	73
3.3	Lokasi kajian	74
3.4	Populasi dan Sampel kajian	75
3.5	Instrumen Kajian	78
3.5.1	Data Primer	78
3.5.2	Data Sekunder	79
3.6	Prosedur Kajian	80
3.7	Kesahan dan kebolehpercayaan	81
3.8	Kajian Rintis	82
3.9	Kajian Sebenar	83
3.10	Analisis Data	83
3.11	Kesimpulan	86
4	ANALISIS DATA	87
4.1	Pengenalan	87
4.2	Analisa Bahagian A : Latar belakang responden	88

4.2.1 Taburan responden mengikut umur	88
4.2.2 Taburan responden mengikut tahap pendidikan /kelayakan akademik	89
4.2.3 Taburan responden mengikut lain-lain peperiksaan sekiranya ada	90
4.2.4 Taburan responden mengikut pengalaman mengajar	90
4.2.5 Taburan responden mengikut pendapatan	91
4.2.6 Taburan responden mengikut aliran opsyen mengajar	92
4.2.7 Taburan responden mengikut status perkahwinan	93
4.2.8 Taburan responden mengikut pekerjaan suami (sekiranya berkahwin)	93
4.3 Fenomena Tabarruj (Persepsi, Pemahaman Dan Pengamalan Tabarruj) dalam kalangan Guru Wanita Muslimah Masa Kini	94
4.3.1 Persepsi Guru wanita Muslimah Wanita Muslimah terhadap fenomena Tabarruj masa kini	95
4.3.2 Tahap pemahaman Guru Wanita Muslimah terhadap Tabarruj	99
4.3.3 Tahap pengamalan guru wanita Muslimah terhadap tabarruj	102
4.4 Faktor guru wanita muslimah bertabarruj	108
4.5 Perbezaan pengamalan bertabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah berdasarkan latar belakang demografi.	113
4.6 Hubungan di antara persepsi dan juga pengamalan bertabarruj	117
4.7 Kesimpulan	118

5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	119
5.1	Pengenalan	119
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	120
5.2.1	Fenomena Tabarruj dalam kalangan Guru wanita Muslimah (Persepsi, Pemahaman Dan Pengamalan Tabarruj) pada masa kini.	120
5.2.2	Faktor guru wanita Muslimah bertabarruj	131
5.2.3	Perbezaan pengamalan bertabarruj guru wanita muslimah berdasarkan latar belakang demografi.	135
5.2.4	Hubungan di antara persepsi dan juga pengamalan bertabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah	138
5.3	Rumusan Penemuan	140
5.4	Implikasi Kajian	142
5.4.1	Garis Panduan Pakaian Guru Wanita Muslimah Yang Tepat Syariah	143
5.5	Cadangan	144
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	145
5.7	Kesimpulan	146
	BIBLIOGRAFI	147
	LAMPIRAN A	156
	LAMPIRAN B	161
	LAMPIRAN C	161

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ء	'	ض	D
ب	B	ط	T
ت	T	ظ	Z
ث	Th	ع	'
ج	J	غ	Gh
ح	H	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	m
ز	Z	ن	n
س	S	هـ	h
ش	Sh	و	w
ص	S	ي	y

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3. 1 :	Jadual taburan populasi kajian	76
3. 2:	Penentuan saiz sampel	77
3. 3:	Pengkelasan Skala Likert beserta dengan markah skor	79
3. 4:	Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis	82
3. 5 :	Tahap penilaian berdasarkan Min	84
3. 6:	Interpretasi Mengikut Saiz Pekali Korelasi	85
4. 1	Taburan responden mengikut umur	88
4. 2	Taburan responden mengikut tahap pendidikan akademik	89
4. 3	Taburan responden mengikut lain-lain peperiksaan	90
4. 4	Taburan responden mengikut pengalaman mengajar	91
4. 5	Taburan responden mengikut pendapatan	91
4. 6	Taburan responden mengikut aliran opsyen mengajar	92
4. 7	Taburan responden mengikut status	93
4. 8	Taburan responden mengikut pekerjaan suami	94

4. 9	Taburan kekerapan dan peratus persepsi tabarruj dalam kalangan guru wanita Muslimah	95
4. 10	Taburan kekerapan dan peratus pemahaman tabarruj dalam kalangan guru wanita Muslimah	99
4. 11	Taburan kekerapan dan peratus pengamalan tabarruj dalam kalangan guru Muslimah	103
4. 12	Taburan kekerapan dan peratus faktor guru wanita muslimah bertabarruj	108
4. 13	Ujian anova sehala perbezaan pengamalan bertabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah berdasarkan umur	113
4. 14	Ujian anova sehala perbezaan pengamalan tabarruj dalam kalangan guru wanita Muslimah berdasarkan pendapatan	114
4. 15	Ujian anova sehala perbezaan pengamalan tabarruj dalam kalangan guru wanita Muslimah berdasarkan pengalaman mengajar	115
4. 16	Ujian anova sehala perbezaan pengamalan tabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah berdasarkan aliran opsyen mengajar	116
4. 17	Hubungan di antara persepsi dan juga pengamalan bertabarruj guru wanita muslimah.	117
5. 1	Garis Panduan Ciri Pakaian dan Perhiasan Guru Wanita Muslimah yang tepat Syariah	143

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1. 1 :	Kerangka Teori	12
1. 2 :	Kerangka Konsep Kajian	14
3. 1 :	Prosedur Kajian	80

SENARAI GRAF

NO GRAF	TAJUK	HALAMAN
4. 1 :	Tahap persepsi tabarruj dalam kalangan guru wanita Muslimah berdasarkan Min	98
4. 2 :	Tahap pemahaman tabarruj dalam kalangan guru wanita Muslimah berdasarkan Min	102
4. 3 :	Tahap pengamalan tabarruj dalam kalangan guru Wanita Muslimah berdasarkan Min	107
4. 4 :	Faktor guru wanita muslimah bertabarruj berdasarkan Min	112

SENARAI SINGKATAN/ SIMBOL

Allah SWT	Allah Subhanahu Wa Taala
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
H0	Hipotesis
<i>Ibid</i>	<i>Ibidum</i> (sumber yang sama)
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
Jld.	Jilid
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KS	Kurang Setuju
<i>Loc. Cit</i>	<i>Loco citato</i> (pada tempat yang telah disebutkan)
<i>Op. cit.</i>	<i>Opera citato</i> (dalam sumber yang disebutkan)
r.a	RadiAllahu anhu
S	Setuju
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAM	Sekolah Agama Menengah
SAW	Sallahu a'laihi Wa Salam
SMA	Sijil Menengah Agama
SPI	Sarjana Muda Pengajian Islam
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistic Package For Social Science</i>
SS	Sangat Setuju
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
STS	Sangat Tidak Setuju
TS	Tidak Setuju
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang Soal Selidik	178
B	Surat Kebenaran Pengedaran Soal Selidik	183
C	Surat Lantikan Pakar	184

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di dalam kajian ini, pengkaji berasa betapa pentingnya satu kajian dilakukan terhadap fenomena Tabarruj dalam kalangan guru wanita Muslimah atau secara profesional dikenali sebagai pegawai perkhidmatan pendidikan. Ini kerana guru merupakan satu profesion yang dipandang mulia oleh masyarakat. Sekiranya guru tidak menjaga penampilan diri mereka, ia memberi kesan dan gambaran yang negatif pada masyarakat dan pelajar terutamanya. Tambahan pula Tabarruj dalam Islam adalah dilarang dan pada masa kini agak membimbangkan apabila gejala negatif yang menular dalam kalangan pegawai perkhidmatan pendidikan sendiri. Selain menjaga maruah seorang wanita Muslim, keperihatinan dalam menjaga aurat dan penampilan wanita itu juga dapat menjaga imej guru wanita Muslimah yang baik. Seterusnya gejala-gejala seperti gangguan seksual, rogol perzinaan dan sebagainya dapat dibendung daripada berleluasa. Rasionalnya kajian ini dibuat kerana belum ada kajian yang spesifik dijalankan pada guru-guru wanita Muslimah terutamanya di Daerah Sabak Bernam dan diharapkan kajian ini dapat memberi maklumat baru pada pihak-pihak yang tertentu pada masa-masa akan datang.

Tabarruj merupakan satu topik yang sering dikaitkan dengan wanita, ini kerana naluri semulajadi wanita untuk berhias atau kelihatan cantik merupakan di antara naluri yang kuat pada diri seorang wanita sehinggakan mereka berhias dengan berlebihan-lebihan dan melampaui batasan syarak. Pada masa kini, antara faktor yang mendorong fenomena tabarruj ini adalah daripada dorongan media massa sama ada media elektronik atau media cetak. Wanita juga gemar mengikuti fesyen semasa dalam penampilan masa kini. Kita juga dapat lihat perkara ini berlaku dalam adat perkahwinan apabila pengantin wanita berhias yang sudah pastinya mengundang budaya Tabarruj ini.

Sehinggakan pada masa kini kita dapati masih ramai wanita yang tidak menutup aurat dengan sempurna. Menutup aurat bukan sekadar meletakkan kain di atas kepala tetapi fungsi utama tudung adalah untuk memelihara kecantikan diri daripada diperagakan kepada orang ramai. Kadangkala wanita memakai tudung tetapi pakaian yang dipakai mengikut potongan tubuh badan. Ada juga wanita memakai tudung tetapi masih menampakkan rambut dan dada. Tidak kurang juga yang memakai tudung beraneka fesyen yang sebahagiannya tidak menepati kehendak Islam. (Fatimah Omar, 2013)

1.2 Latar belakang masalah

Sejak kebelakangan ini, isu hangat yang sering diperkatakan dalam kalangan masyarakat berkaitan dengan cara pemakaian muslimah yang semakin berubah setiap masa. Perubahan ini berlaku disebabkan pengaruh budaya asing daripada sudut pemakaian yang diterima masuk ke negara ini melalui media massa sama ada media cetak atau media elektronik. Sebagai contoh, terdapat segelintir muslimah menutup aurat dengan memakai fesyen pakaian yang nipis dan ketat sehingga boleh menampakkan bentuk tubuh badan. Topik perbincangan ini amat berkait rapat dengan semua wanita muslimah di seluruh dunia kerana ia berkaitan dengan

kecantikan dan berhias diri. Sebagai seorang wanita, lumrahnya selalu ingin kelihatan cantik sehingga timbul persoalan adakah boleh berpakaian sebegini? adakah wanita boleh bersolek? dan macam-macam persoalan yang mungkin timbul di benak masing-masing. Semoga penulisan ini akan dapat menjawab persoalan-persoalan yang sering kaum wanita ajukan dalam konsep berhias diri.

Perunding Motivasi Mohd Zamri Mohd Zainuddin (2012) berkata, berdasarkan perkembangan sekarang walaupun ramai wanita berpakaian sopan, tetapi belum lagi menepati ciri-ciri menutup aurat yang ditetapkan dalam Islam contohnya memakai tudung yang tidak menutupi dada, memakai baju berlengan pendek serta memakai kain yang singkat. Menurutnya, walaupun tidak ditetapkan bentuk rekaan pakaian untuk wanita Islam, tetapi ia perlulah selari dengan tuntutan Islam iaitu tudung yang dipakai perlu melebihi dada, baju yang tidak menampakkan susuk tubuh dan memakai sarung kaki. Seseorang wanita yang tidak menutup aurat, kecantikannya akan mendorong nafsu lelaki untuk melakukan maksiat seterusnya boleh menyebabkan kelahiran anak luar nikah semakin meningkat.

Menurut laporan Berita Harian (2016), berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), menunjukkan seramai 159,725 orang anak luar nikah yang dilahirkan oleh ibu yang beragama Islam semenjak tahun 2013. Daripada jumlah itu, 53,492 dilahirkan pada 2013 meningkat kepada 54,614 pada 2014 dan 51,169 pada 2015. Secara purata kira-kira 140 bayi luar nikah dilahirkan pada tahun 2015.

Berdasarkan data statistik yang berikut, pengkaji merasakan perkara ini adalah sangat serius dan fenomena ini perlu diambil perhatian oleh semua pihak terutama wanita sendiri. Justeru, wanita disarankan supaya sentiasa memelihara aurat mereka dengan sempurna bagi mengelakkan mereka terdedah kepada perbuatan mungkar dan maksiat seperti gangguan seksual, pencabulan, rogol dan perzinaan.

Dipetik daripada akhbar Berita Harian (2014), statistik kes gangguan seksual terhadap wanita yang diterima oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung sebanyak 297 kes. Sementara di dalam akhbar Sinar Harian bulan Mei (2015), di Kota Tinggi seorang wanita yang baru bekerja sebagai pembantu di sebuah klinik menjadi trauma selepas mendakwa majikannya mencabul beliau dan satu lagi laporan diterima seorang lagi pekerja wanita sebuah klinik gigi turut mengalami masalah gangguan seksual oleh majikannya. Paling mengejutkan seorang guru wanita yang trauma dan mengalami tekanan perasaan yang serius sehingga mahu membunuh diri selepas mengalami gangguan seksual serta dicabul oleh seorang guru lelaki di sekolahnya yang terletak di sekitar Bangsar. (Harian Metro, 2012). Oleh yang demikian, kejadian seumpama ini amat dikhuatiri sekiranya berlaku kesan daripada tarikan penampilan seorang wanita yang terlalu melampau yang akhirnya mengundang perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku.

Dalam konteks Tabarruj dalam kalangan guru wanita turut memberi kesan kepada mereka yang berada di sekitar profesion mereka terutama pelajar, rakan sejawat dan juga ibu bapa. Ini kerana guru merupakan *role model* yang boleh dilihat oleh pelbagai lapisan masyarakat umumnya, dan khususnya kepada pelajar. Penampilan yang sopan memberikan persepsi yang baik kepada pelajar-pelajar mereka. Begitu juga sebaliknya, pemakaian yang tidak sesuai, mencolok mata, tidak sopan dan agak keterlaluan memberi impak yang berbeza kepada mereka. Seterusnya memberi tanggapan yang buruk kepada kepada ibu bapa juga. Sebagai pendidik seharusnya menunjukkan contoh yang baik kepada pelajar dan ibu bapa.

1.3 Penyataan masalah

Di dalam syariat Islam, wanita wajib berhijab kerana hijab merupakan salah satu bentuk pemuliaan terhadap kaum wanita dan dalam mengenakan hijab, maka haruslah menutupi seluruh tubuh dan perhiasan di tubuh daripada pandangan lelaki

yang bukan mahram. Hal ini adalah sepertimana yang terkandung di dalam firman Allah SWT:

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ

“Dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya” (Surah an-Nur, 24: 31)

Wanita hari ini khususnya dalam kalangan guru wanita gemar mencuba pelbagai fesyen pakaian dan perhiasan yang dalam masa yang sama mereka tidak menyedari bahawa terdapat juga fesyen yang tidak menepati syariat. Keghairahan untuk kelihatan cantik menyebabkan berlakunya tabarruj dalam kalangan mereka. Kadangkala dengan memakai tudung atau baju yang terlalu banyak corak dan warna yang menarik perhatian atau pun memakai aksesori yang keterlaluan seperti baju yang dihajit sulam atau manik yang sarat dan keterlaluan. Bagi seseorang guru, sekiranya mereka melakukan aktiviti luar bilik darjah seperti bersukan dan sebagainya, guru dibenarkan memakai pakaian sukan tetapi terdapat segelintir mereka yang memakai baju t-shirt atau kemeja yang agak ketat, tudung yang agak pendek dan tidak menutup bahagian dada tanpa mereka sedari menampakkan bentuk badan. Keadaan ini tidak sesuai dan kelihatan mencolok mata.

Walaupun bersolek dan berdandan merupakan fitrah bagi wanita pada umumnya tetapi masih ada batasan yang perlu dijaga. Menurut Yusuf al-Qardhawi (2011), sekiranya mereka bersolek di hadapan suami, ibu bapa atau rakan-rakan sesama wanita, maka hal itu dibenarkan. Malangnya sebahagian wanita kini bersolek dan menampakkan sebahagian anggota tubuh serta perhiasan mereka di tempat-tempat awam. Sehingga ramai lelaki bukan mahram yang memerhatikan mereka dan menikmati keindahan tubuh yang ditonjolkannya. Keadaan inilah yang disebut dengan tabarruj model Jahiliyah dan ini dibimbangi turut berlaku dalam kalangan guru-guru Muslimah.

Kajian ini akan menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan fenomena dan senario fesyen yang seringkali berlaku dalam kalangan wanita muslimah kini khususnya guru-guru. Lebih-lebih lagi pelbagai koleksi busana Muslimah yang menarik minat wanita yang gemarkan citarasa fesyen yang moden dan elegan. Terdapat beberapa kesilapan yang sering dilakukan oleh wanita dalam menutup aurat sepertimana Nor Syamiraazmi Mohd Nayan (2011) menyebutkan situasi di mana wanita masa kini menganggap aurat itu adalah dengan memakai tudung sahaja iaitu cukup sekadar dengan memakai tudung dan tutup kepala sahaja. Segelintir wanita memakai tudung tetapi memakai baju kebarung atau kebaya ketat yang terbelah kainnya ataupun berbaju berlengan pendek. Ada juga yang memakai tudung tetapi memakai pakaian yang menggunakan material yang nipis seperti kain *chiffon* sehingga menampakkan bentuk tubuh. Terdapat juga wanita yang memakai tudung atau selendang yang menayangkan jambul (sanggul) dan hujung rambutnya atau bersanggul tinggi.

Kadangkala kita juga dapat lihat guru-guru wanita memakai jubah tetapi masih menampakkan bentuk badan. Walaupun jubah merupakan satu pakaian yang sopan tetapi objektif pakaian tersebut hilang apabila potongan jubah tersebut terlalu mengikut bentuk tubuh dan material kain daripada *lycra* yang pada masa kini kelihatan melekap pada tubuh mereka. Memakai pakaian yang menutup aurat tetapi bersolek dan berdandan secara keterlaluan. Contohnya memakai lipstick atau pemerah pipi yang berwarna terlalu terang sehingga menarik perhatian orang melihatnya. Atau pun memakai tudung yang beraneka jenis warna yang berlapis-lapis dan juga pendek yang tidak menutup bahagian dada dengan sempurna. Demikianlah beberapa contoh senario yang sering berlaku dalam kalangan muslimah masa kini bertabarruj secara berlebihan. Walaupun majoriti umat Islam mengetahui kewajipan menutup aurat namun masih belum menepati syariat yang ditetapkan. Keadaan ini memperlihatkan seolah-olah ketidakjelasan mereka terhadap ciri-ciri pemakaian yang sesuai. Keghairahan mengikut perkembangan fesyen dan peredaran zaman turut menimbulkan kekeliruan dalam kalangan wanita.

Menurut Norsafar (2010), wanita sanggup membelanjakan wang untuk memenuhi kepuasan diri semata-mata sehingga terjebak dengan amalan bertabarruj. Sepertimana kita lihat terdapat pelbagai jenama tudung di pasaran yang menjadi kegilaan wanita masa kini sehinggakan ada yang sanggup menunggu di hadapan pintu kedai seawal pagi, beratur panjang dan berasak-asak untuk mendapatkannya.

Sebagai seorang guru wanita, penampilan diri menjadi satu perkara yang utama kerana tugas mereka berhadapan dengan pelbagai golongan masyarakat umumnya. Justeru itu, aspek pemakaian ini amatlah ditekankan dan perlu diambil perhatian. Selain memberikan tanggapan dan persepsi yang kurang baik terhadap wanita Islam yang bertabarruj, ia juga memberi kesan yang tidak baik kepada masyarakat sekitarnya. Bahaya tabarruj ini akan menyebabkan timbulnya fitnah, mempengaruhi orang lain dan seterusnya merendahkan martabat seseorang wanita itu sendiri. Sedangkan dalam etika pemakaian kakitangan awam sendiri menjelaskan bahawa pegawai wanita dilarang memakai pakaian yang mencolok mata tetapi disebabkan pelbagai fesyen wanita Muslimah diketengahkan menyebabkan kekeliruan berlaku dalam kalangan mereka. Justeru itu, perlunya kajian ini dibuat untuk memastikan kefahaman mereka terhadap tuntutan menutup aurat dan larangan bertabarruj. Maka, kajian ini diharap dapat menjelaskan perkara ini dengan lebih lanjut.

1.4 Objektif Kajian

Antara objektif bagi kajian ini ialah :

- 1.4.1 Mengkaji fenomena tabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah masa kini dari segi persepsi, pemahaman dan pengamalan tabarruj mereka.
- 1.4.2 Mengenalpasti faktor guru wanita muslimah bertabarruj atau berhias ketika bekerja.

- 1.4.3 Melihat perbezaan pengamalan bertabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah berdasarkan latar belakang demografi.
- 1.4.4 Mengkaji hubungan di antara persepsi dan juga pengamalan bertabarruj guru wanita Muslimah.

1.5 Persoalan kajian

Berdasarkan objektif kajian, diharapkan kajian ini dapat menjawab beberapa persoalan berikut:

- 1.5.1 Bagaimanakah fenomena tabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah masa kini dari segi persepsi, pemahaman dan pengamalan tabarruj mereka?.
- 1.5.2 Apakah faktor guru wanita muslimah bertabarruj atau berhias ketika bekerja?.
- 1.5.3 Adakah terdapat perbezaan pengamalan bertabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah berdasarkan latar belakang demografi?
- 1.5.4 Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara persepsi dan juga pengamalan bertabarruj dalam guru wanita Muslimah?.

1.6 Hipotesis Kajian

- 1.6.1 Melihat perbezaan pengamalan bertabarruj dalam kalangan guru awam wanita muslimah berdasarkan latar belakang demografi.

H01 Tiada perbezaan yang signifikan di antara pengamalan bertabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah berdasarkan umur.

H02 Tiada perbezaan yang signifikan di antara pengamalan bertabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah berdasarkan pengalaman mengajar.

H03 Tiada perbezaan yang signifikan di antara pengamalan bertabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah berdasarkan pendapatan.

H04 Tiada perbezaan yang signifikan di antara pengamalan bertabarruj dalam kalangan guru wanita muslimah berdasarkan aliran opsyen mengajar.

1.6.2 Mengkaji hubungan di antara persepsi dan juga pengamalan bertabarruj guru wanita muslimah

H05 Tiada hubungan yang signifikan di antara persepsi dan juga pengamalan bertabarruj guru wanita muslimah.

1.7 Kepentingan kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan kepada beberapa pihak dan diharap penulisan ini dapat membantu komuniti dan individu lebih jelas tentang masalah tabarruj yang melampau. Ini kerana tiada kajian yang dilakukan terhadap guru-guru wanita Muslimah di Daerah Sabak Bernam dan kajian ini penting untuk memberi maklumat baru kepada masyarakat umumnya dan khususnya kepada Jabatan atau Kementerian Pendidikan Malaysia dan kakitangan awam itu sendiri. Justeru itu, diharap kajian ini dapat memberi kepentingan kepada:

1.7.1 Organisasi, Jabatan dan Kementerian

Dapat memberi satu garis panduan dan penambahbaikan pemakaian yang menepati kehendak Etika Pemakaian Penjawat Awam sepertimana yang termaktub dalam Pekeliling Perkhidmatan dan Ikhtisas. Seterusnya dapat

menjaga martabat profesion Perguruan itu sendiri. Semoga dasar-dasar baru dapat diketengahkan untuk menjaga imej guru wanita Muslimah itu sendiri.

1.7.2 Wanita yang bekerja

Dapat menjawab persoalan dan pengetahuan bagi wanita yang bekerja agar mereka boleh melaksanakan tugas tanpa meninggalkan tuntutan agama agar mereka menutup aurat dan berasa yakin dengan diri mereka serta dalam masa yang sama tidak terkeluar dari landasan yang sebenar khususnya bagi kakitangan awam wanita terutama guru-guru wanita.

1.7.3 Ibu Bapa

Dapat memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang peranan mereka dalam pendidikan agama terutamanya berkaitan aurat dan tabarruj kepada anak-anak mereka. Mereka juga perlu menjadi contoh kepada anak-anak dalam pembentukan peribadi anak mereka. Selain itu membolehkan ibu bapa melakukan pengawasan dan memantau anak-anak mereka dari masa ke semasa supaya tidak terpengaruh dengan persekitaran dan tidak terpesong daripada landasan yang sebenar.

1.7.4 Golongan Remaja

Dapat memberi kefahaman dan kesedaran kepada remaja wanita betapa pentingnya pengetahuan tentang konsep aurat dan tabarruj. Bagaimana hubungan aurat mereka dengan lelaki yang muhrim dan juga bukan muhrim. Mereka juga diharap boleh mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

1.7.5 Pereka fesyen dan penjual pakaian atau perhiasan wanita

Dapat mendalami ilmu yang berkaitan dengan hukum aurat, batasan-batasan aurat, konsep aurat, dan pensyariatan aurat di dalam Islam. Mereka juga dapat mereka fesyen dan menghasilkan pakaian yang menepati syariat Islam dan

menjadikannya secara komersil dengan tujuan dakwah, bukan semata-mata kerana wang atau keuntungan.

1.8 Batasan kajian


Kajian yang dibuat ini mempunyai batas dan skop yang tertentu agar kajian lebih spesifik dan khusus kepada perkara-perkara tertentu yang berikut:

- 1.8.1 Kajian ini dibuat sekitar Daerah Sabak Bernam sahaja.
- 1.8.2 Antara responden adalah terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan iaitu Guru-Guru Wanita Muslimah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan sahaja.
- 1.8.3 Kajian sekadar untuk mengetahui persepsi, pemahaman dan pengamalan mereka terhadap tabarruj dan apakah sebab yang mendorong mereka bertabarruj.
- 1.8.4 Bentuk-bentuk tabarruj yang akan dikupas oleh penulis lebih khusus pada pakaian, perhiasan dan dandanan wanita sahaja. Tidak menyentuh berkaitan dengan memakai wangian.
- 1.8.5 Elemen-elemen tingkah laku seperti, melunakkan suara bila berbicara dan berjalan dengan berlenggang-lenggok sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat surah al-Ahzab ayat 33 yang menyebutkan tentang larangan bertabarruj model Jahiliyah tidak termasuk di dalam kajian ini.
- 1.8.6 Fokus kepada tahun kajian iaitu daripada tahun 2014 sehingga 2016.

1.9 Kerangka teori

Kerangka teori kajian ini dijelaskan di dalam Rajah 1.1 yang berikut:

Rajah 1.1 : Kerangka Teori



Sumber :Teori Batasan Aurat Wanita dalam Islam (Sayyid Qutub (1980), Imam Nawawi (1981), Yusuf al-Qardhawi (1995, 2013)

Rajah di atas menunjukkan bahawa sumber rujukan utama dalam tuntutan menutup aurat adalah al-Quran dan as-Sunnah, seterusnya ijmak ulama daripada empat mazhab Fiqh (Imam Hanafi, Maliki, Shafie dan Hanbali) dan sarjana Islam kontemporari seperti Yusuf al-Qardhawi yang banyak menjelaskan perkara berkaitan Fiqh masa kini. Rajah juga menunjukkan perbezaan di antara fenomena wanita yang memakai pakaian yang menepati Syariat dan tidak menepati Syariat. Pemakaian yang tidak menepati Syariat inilah yang dikategorikan sebagai Tabarruj apabila

wanita memakai pakaian yang menampakkan tubuh dan perhiasan mereka, terlalu menyerlah dan menarik perhatian yang bukan mahram.


Kerangka teori kajian adalah berdasarkan sumber utama Islam iaitu Al-Quran dan as-Sunnah. Turunnya ayat-ayat al-Quran yang memerintahkan kepada wanita Islam untuk melabuhkan jilbab mereka dan menutup semua bahagian tubuh mereka yang boleh membawa fitnah. Hikmah daripada pensyariatan ini secara zahirnya mereka akan dikenali sebagai wanita yang terpelihara (*afifah*) daripada gangguan orang yang sukakan kejahatan atau golongan munafik dan dapat menjaga kehormatan diri mereka. Berikut merupakan kerangka teori bagi kajian ini:

Penjelasan berkaitan aurat wanita dihuraikan lagi melalui hadis-hadis Rasulullah S.A.W. dan pandangan kebanyakan ulama mazhab seperti Imam Hanafi, Maliki, Syafi'e dan Hanbali yang bersepakat bahawa seluruh anggota badan wanita adalah aurat kecuali muka dan kedua telapak tangannya. Menurut mereka, perempuan yang menggunakan perhiasan secara berlebihan, menampakkan dan mempamerkan bentuk dan keindahan tubuhnya, hukumnya adalah haram. (Yusuf al-Qardhawi, 2013).

Seterusnya menurut Imam Bukhari (2005) pula, *tabarruj* adalah perbuatan wanita yang mempamerkan segala kecantikan miliknya. Iaitu menampakkan kecantikan tubuh badan dan kecantikan wajah serta pesonanya. Manakala Qatadah berkata bahawa kaum wanita gemar berjalan dengan gaya yang menggoda, dan Allah SWT melarang semua itu. Tokoh ulama kontemporari seperti Yusuf Al-Qardhawi (2013) juga menyatakan, Islam mengajarkan etika dan adab yang harus dipatuhi bagi seorang perempuan iaitu hendaklah menutup auratnya dan memakai pakaian yang sopan, yakni longgar dan tertutup yang tidak menampakkan anggota tubuh. Beliau menerangkan sebahagian perempuan Jahiliyah suka mempamerkan kecantikan mereka, misalnya dada, leher dan rambut ketika mereka keluar rumah sehingga mereka ini diganggu oleh laki-laki fasik (*jahat*) dan yang suka berzina.

Justeru itu, Islam melarang wanita memakai pakaian yang menampakkan keindahan tubuh dan kecantikan wajah, serta menggunakan perhiasan yang berlebihan (mencolok mata). Inilah yang dimaksudkan dengan *tabarruj* (berhias). Seterusnya, pengkaji membentuk satu kerangka konsep kajian di dalam Rajah 1.2 yang berikut:

Rajah 1.2 : Kerangka Konsep Kajian



Sumber : Teori Batasan Aurat Wanita dalam Islam (Yusuf al-Qardhawi (1995, 2013) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1985 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 6 Tahun 1985

Berdasarkan teori-teori ini, Rajah 1.2 menerangkan kerangka konsep kajian terhadap fenomena tabarruj masa kini yang merangkumi pakaian, aksesori dan perhiasan yang kebanyakannya berpunca daripada faktor dalaman dan luaran seperti fesyen semasa sama ada dari Fesyen Barat atau Fesyen Busana Muslimah. Secara

tidak langsung, wanita sentiasa mengikuti perkembangan fesyen terkini dan melalui pemerhatian terhadap fesyen dan persekitaran mereka cuba meniru dan mengaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka. Kerana kurangnya pengetahuan wanita terhadap konsep berhias, tanpa disedari fesyen menyebabkan wanita berhias secara berlebihan dan inilah yang dinamakan Tabarruj yang menyerupai tabarruj *Jahiliyah ula*.

Faktor dalaman dan luaran ini memberi kesan kepada pengamalan bertabarruj dalam kalangan wanita. Justeru itu, berpegang kepada asas dan sumber utama dalam etika berpakaian dalam Islam adalah al-Quran dan as-Sunnah. Sebagai umat Islam yang berpegang kepada mazhab Shafie juga, wanita perlu mengetahui bahawa batas-batas aurat yang perlu dipatuhi dalam berpakaian. Walau bagaimana pun, keinginan fitrah berhias ini sama sekali tidak pernah dihalang dalam Islam. Namun, perhiasan dan fesyen tersebut perlulah yang menepati kehendak syarak dan syariat Islam.

Panduan daripada sarjana Islam kontemporari seperti Yusuf Qardhawi juga mengetengahkan pelbagai persoalan berkaitan wanita masa kini. Oleh yang demikian, dalam menjaga aurat seharusnya wanita mempunyai panduan bagi penampilan mereka terutama wanita yang bekerjaya masa kini. Selain mengikut tuntutan Islam, cara berpakaian mereka juga akan dapat merealisasikan etika pemakaian kakitangan awam yang pada masa kini agak umum dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1985 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 6 Tahun 1985 dan diharap kajian ini akan menjadi garis panduan etika berpakaian bagi kakitangan awam menurut syariat Islam yang lebih efisien.

1.10 Definisi Istilah

Beberapa perkataan dikupas oleh penulis untuk memberikan definisi dan maksud sebagai rujukan dalam kajian ini. Antaranya ialah:

1.10.1 Fenomena

Fenomena membawa membawa maksud sesuatu kenyataan atau kejadian yang dapat diperhatikan. Ataupun sesuatu kenyataan atau kejadian yang dapat diberikan dan dijelaskan secara saintifik (Kamus Dewan Edisi ke-4, 2005 hlm 409).

Secara mudahnya, fenomena boleh dianggap sebagai satu keadaan dan situasi atau kejadian semasa yang dapat kita lihat.

1.10.2 Tabarruj

Tabarruj : Menurut Kamus al-Miftah (2008, hlm 405) tabarruj bermaksud menghias diri. Tabarruj ialah perkataan Bahasa Arab, secara literalnya bermaksud berhias. Dalam Islam, konsep tabarruj memberi makna memperagakan keindahan yang dilakukan oleh kaum wanita yang mana pertunjukkan itu dapat menarik perhatian kaum lelaki dari aspek syahwat. Kesimpulannya tabarruj bermaksud seseorang wanita yang mendedahkan perhiasan dirinya (mendedahkan kecantikan)

Yusuf Al-Qardhawi (2013) menerangkan Tabarruj bermaksud sebahagian perempuan Jahiliyah suka mempamerkan kecantikan mereka, misalnya dada, leher dan rambut, sehingga mereka ini diganggu oleh laki-laki fasik (jahat) dan yang suka berzina. Sementara menurut Ibnu Kathir (1993), mengulas bahawa tabarruj bermakna wanita yang meletakkan kain selendang sebagai penutup kepala mereka tetapi tidak mengikatnya sehingga boleh dilihat leher dan perhiasannya seperti rantai di lehernya. Kesimpulan definisi yang boleh diambil daripada kedua-dua pendapat

tokoh di atas, tabarruj ialah keadaan di mana wanita mendedahkan tubuh dan perhiasan mereka kepada tontonan umum.

Manakala Abu Ubaidah berpendapat, tabarruj bermaksud seorang wanita menampakkan kecantikannya yang memungkinkan orang lelaki ghairah melihatnya. Kesimpulannya, beliau memberikan definisi tabarruj kepada tindakan seseorang wanita mendedahkan atau mempamerkan kecantikan mereka sama ada wajah atau tubuh mereka.

Menurut Imam Bukhari (2005) bahawa tabarruj adalah perbuatan wanita yang mempamerkan segala kecantikan miliknya. Iaitu menampakkan kecantikan tubuh badan dan kecantikan wajah serta pesonanya. Manakala Qatadah berkata bahawa kaum wanita memiliki kesukaan berjalan-jalan dengan sikap gaya menggoda, dan Allah SWT melarang semua itu. Jelas bahawa definisi Qatadah lebih menjurus kepada cara berjalan seseorang wanita yang agak keterlaluan dan menggoda.

Berdasarkan definisi-definisi di atas, maksud tabarruj dalam kajian ini ialah penampilan atau tindakan Guru-guru wanita Muslimah yang mendedahkan kecantikan secara keterlaluan dengan bersolek, pakaian, perhiasan dan bahagian-bahagian tubuh badannya kepada lelaki yang bukan mahramnya terutama ketika bekerja atau keluar daripada rumah.

1.10.3 Guru

Guru : Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4 (2005) guru adalah pengajar, pendidik atau pengasuh. Seorang guru ialah merupakan pembimbing dalam proses pembelajaran. Menurut Mok Soon Sang (1992) pula, guru merupakan ahli masyarakat yang mempunyai perhubungan sosial yang saling berkait rapat dengan masyarakat. Guru merupakan tenaga ikhtisas di dalam bidang perguruan yang dipertanggungjawab untuk mendidik pelajar di sekolah.

Guru juga secara profesionalnya dikenali sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang termasuk dalam kategori pegawai atau kakitangan awam. Menurut Perlembagaan Persekutuan (1957) dan Jabatan Perkhidmatan Awam kakitangan atau perkhidmatan awam di Malaysia ditafsirkan di Bahagian X Perlembagaan Persekutuan bermula dari Perkara 132 sehingga perkara 148, Perkara 146A, 146B dan 146C Perkara 132(1) mentafsirkan perkhidmatan-perkhidmatan awam terdiri daripada:

- i- Angkatan tentera
- ii- Perkhidmatan kehakiman
- iii- Perkhidmatan Persekutuan
- iv- Pasukan polis
- v- Perkhidmatan kereta api
- vi- Perkhidmatan awam bersama
- vii- Perkhidmatan awam setiap negeri
- viii- Perkhidmatan pendidikan

Sehubungan dengan ini, maksud guru wanita dalam kajian ini ialah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan atau guru-guru wanita Muslimah yang bertugas di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang merupakan sampel kajian ini.

1.11 Kesimpulan

Sesungguhnya menutup aurat bukanlah hanya dengan memakai tudung semata-mata, sebagaimana yang difahami oleh sebahagian umat Islam sebaliknya apa yang paling penting ialah setiap Muslimah mestilah memahami batasan aurat menurut syarak dan mengetahui hukum haram bertabarruj bagi semua wanita. Tabarruj yang tidak dibenarkan di sini adalah sepertimana tabarruj yang dilakukan pada masyarakat Jahiliyah *ula*. Walau bagaimanapun, bukan bererti wanita dilarang

sama sekali untuk berhias tetapi hendaklah didasari dengan iman dan taqwa. Pada dasarnya Islam tidak melarang wanita berhias diri dan Islam juga tidak menetapkan fesyen pakaian tetapi perlu mematuhi garis panduan dalam menutup aurat kerana daripada pakaian lahir mencerminkan pakaian batin.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran al Karim. (1995). *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Abu Malik Kamal bin As-Sayid Salim. (2009). *Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah*. Puchong: Jasmin Publications.
- Abu Syari Muhammad Abdul Hadi. (2013). *Wahai Wanita.. Berhiaslah*. Adab dan petunjuk cara berpakaian dan berhias menurut al-Quran dan Sunnah. Puchong: Jasmin Publications.
- Abdul Qadir al-Razi (t.t). *Mukhtar al-Sahah*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Abdullah bin Jarullah bin Ibrahim Jarullah. (2012). *Hak dan Kewajiban Wanita Muslimah Menurut al-Quran dan as-Sunnah*. Indonesia: Pustaka Imam asy-Syafi'i
- Abdullah, F. (1985). *Wanita dan pekerjaan: satu analisis konflik peranan*. *Akademika*, 27(1).
- Abdullah, Abdul Rahman. (Ed.). (2006). *Islamic dress code for women*. Darussalam.
- Abdullah, S. (2006). *Al-Tabarruj menurut al-Qur'an dan al-Sunnah: suatu kajian mengenai kefahamannya di kalangan guru-guru wanita di Kota Bharu, Kelantan* (Doctoral dissertation, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Ahmad bin Hanbal. (1997). *Musnad Ahmad dalam Syirkat al-Baramij al-Islamiyah al-Dauliyyah Mause'*.

- Asmawati Suhid, Mohd Faizal bin Mohd Zain, Abdul Muhsin bin Ahmad dan Mohd Adeli Che Noh. (2013). *Tahap Pengetahuan Tentang Konsep Menutup Aurat : Satu Kajian Umum*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Afzalur Rahman. (1994). *Ensiklopedia Sirah. Peranan Wanita Islam Jilid V*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajzen, I. (1991). *The theory of planned behavior*. Organizational behavior and human decision processes, 50(2), 179-211.
- Al-Bukhary, Imam. (2005). *Terjemahan Hadts Shahih Bukhari*. Cairo.
- Dawud, Abu. (1984). *Sunan Abu Dawud*. Sh. Muhammad Ashraf.
- Faizah bt Md Salleh. (2010). *Persepsi Isteri Bekerjaya Terhadap Kepimpinan Suami dalam Pengurusan Keluarga*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam).
- Fatimah Ali. (1995). *Pandangan Islam Terhadap Wanita Bekerja*. Dlm Jurnal Usuluddin Bil 3. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Fatimah Omar. (2013). *Tabarruj Penghalang Bau Syurga*. Rawang: Pustaka Ilmuan.
- Harini, S. (1995). *Tabarruj Tentang Wanita Menurut Pandangan Islam (Study Tafsir Al Qur'an)* (Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).
- Hidayati Karim. (2004). *Personaliti Muslimah : Kajian terhadap ayat 32 dan 33 Surah al-Ahzab*. Universiti Malaya Kuala Lumpur : Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Ibnu Kathir. (1993). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Ibnu Manzur. (199). *Lisan al-Arab*. Jld 4. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibnu Rusyd (2002). *Bidayat al-Mujtahid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Imam Gunawan. (2010). *Metode Penelitian Kualitatif*. Indonesia: Universiti Negeri Malang.

Jaafar, R. (2000). *Tabarruj menurut Islam: kajian terhadap pemahaman dan penghayatannya di kalangan mahasiswi Universiti Malaya* (Doctoral dissertation, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999/2000.).

Kamus al-Miftah. (2008). Shah Alam: Al Azhar Media Enterprise.

Kamus Dewan Edisi ke4. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mayasari, I. 2012. The Perspectives to Understand Social Marketing as an Approach in Influencing Consumer Behavior for Good. *Gajah Mada International Journal of Business*, 14(2).

Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi. (2013). *Wanita Dambaan Syurga: Bimbingan Lengkap Fikah Wanita berdasarkan Realiti Zaman dan Tempat*. Kuala Selangor : Inspirasi-I Media.

Mok, S. S., & Lee, S. M. (1988). *Pendidikan di Malaysia*. Kumpulan Budiman.

Mok, S. S. (1992). *Pedagogi 1: pengenalan kepada Pedagogi*. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Mukhsin, H., & Mukhsin, M. H. (2017). Pandangan Ulama Tentang Tabarruj Dalam Perspektif Hukum Islam. *Jurnal An-Nahdhah*, 10(1).

- Muhammad Said, S., & Hanapiah, O. (2007). *Amalan Bertabarruj Di Kalangan Mahasiswi Islam, Utm; Satu kajian Terhadap Pelajar Di Kolej Datin Seri Endon* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Munawwir, Ahmad Warson. (1997). *Kamus al-Munawwir*. Surabaya: *Pustaka Progressif*.
- Munawwir, A. W., & Fairuz, M. (2007). *Kamus Al-Munawwir Indonesia-Arab Terlengkap*. Surabaya. Pustaka Progresif.
- Muslim, Imam. (2007). *Terjemahan Hadis Sohih Muslim Jilid i-iv*. Klang Book Centre.
- Najib, Mohd. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Najib, Mohd. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nawawi, Imam. (1996). *Shahîh Muslim bi Syarh Imam An Nawawi*. Juz XVII. Cairo: al-Misriyyah.
- Nor Syamiraazni Mohd Nayan. (2011). *Aurat Wanita Menurut Al-Quran dan Hadis*. Universiti Teknologi Mara Shah Alam : Kertas Kerja Ijazah Sarjana Mud.a
- Norliza Ahmad. (2008). *Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun 4*. Satu Kajian di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor : Tesis Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam).
- Norsafar Md Kamaruzaman. (2010). *Persepsi Pelajar Lelaki SPI terhadap tabarruj dalam kalangan siswi UTM*. Johor . Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.

- Nurwahidah Ab Ghani. (2013). *Profil Personaliti Psiko-Spiritual dalam Kalangan Remaja Muslim di Semenanjung Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Falsafah.
- Othman, R., Muhamad, S. N., Yusof, F. M., & Harun, M. A. W. (2016). Fesyen Wanita Menurut Perspektif Islam dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Fizikal dan Spiritual. *Sains Humanika*, 8(3).
- Paizah Ismail. (2004). Aurat Wanita: Konsep dan Hukum Mengenaunya. *Jurnal Syariah*, 12, 21–42. Retrieved from <http://myais.fsktm.um.edu.my/7652/>
- Pekeliling Perkhidmatan Bil 2 Tahun 1985.
- Al-Qaradhawi, Yusuf terj Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2013). *Halal dan Haram dalam Islam*. Cetakan 1. Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.
- Al-Qaradhawi, Yusuf terj Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2014). *Halal dan Haram dalam Islam*. Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.
- Al-Qaradhawi, Yusuf, and Mohd Hafiz bin Daud. (2016). *Halal dan Haram dalam Islam*. PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Al-Qurthubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (1368H). *Al-Jami' li Ahkamal Quran*. Mesir: Dar al-Kutub.
- Radzi, M., Azura, N. B., & Mohamad, A. M. (2008). *Persepsi Pelajar Wanita Islam Utm Terhadap Fesyen Terkini dan Tuntutan Menutup Aurat* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Rakhmad, W. N., Suprihartini, T., & Lestari, S. B. (2015). *Pemaknaan Jilbab Kreatif bagi Perempuan Muslim sebagai Identitas Diri*. *Interaksi Online*, 1(4).

- Ramle, Mohd Syah Zali. (2013). *Fesyen pemakaian tudung dikalangan remaja: satu kajian di Jitra-FASS Final Project (BIS).*"
- Rosmawati Ismail. (2003). *روسماواتي بنت إسماعيل. التبرج في نظر الإسلام.*
- Ruhyati Idayu Mohd Baharan. *Artikel Tabarruj : Pendidikan Islam Tahun 2* (adobe Reader PDF)
- Rysst, M. (2010). *'I Am Only Ten Years Old' Femininities, clothing-fashion codes and the intergenerational gap of interpretation of young girls' clothes. Childhood, 17(1), 76-93.*
- Saadah Ibrahim. (2012). *Tahap Kefahaman dan Amalan Terhadap Kefardhuan Menutup Aurat di Kalangan Pelajar di Tiga Buah Sekolah Menengah Agama Daerah Pekan.* Kuala Lumpur: Open Universiti Malaysia.
- Sari, N.R., (2016). *Misogynist di dalam Hadis (Telaah Hadis Sunan Tirmidzi dan Ibnu Majah, Perempuan Sumber Fitnah Paling berbahaya. Marwah: Jurnal Perempuan, Agama dan Jender, 13(2), pp.199-218.*
- Sayyid Sabiq. (1990). *Fiqh al-Sunnah Jilid 7.* Kuala Lumpur : Victory Agencie terjemahan Drs Moh Thalib.
- Siti Nur Liyana Ali. (2006). *Penerimaan Terhadap Tuntutan Syarat Tentang Aurat di Kalangan Wanita: Satu Kajian Terhadap Pelajar Tahun Lima Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.* Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Syahdan, T. A. (2011). *Pemahaman dan pengalaman mahasiswa fakultas Ushuluddin dan filsafat UIN Syarif Hidayatullah Jakarta Tahun 2011.*

Sofiah Samsudin dan Maziah Mahmud. (2013). *Ikhtilat dan Tabarruj : Kajian Terhadap Prinsip dan Disiplin Surah Al-Nur dan Surah Al-Ahzab*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sulaiman, M. D. (2014). *Perempuan Berpakaian Tetapi Telanjang dalam Hadis Musnad Ahmad no indeks 9693: Tinjauan Perspektif Ilmu Ma'ani al-Hadis* (Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).

Sulong, A., & Ahmad, N. (2010). Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat. Satu Kajian Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 6 Tahun 1985.

Suraya Daud . (2013). *Fesyen Tepat Syariah lebih jimat?*. Dlm Majalah Anis bilangan 194. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn Bhd.

Tajek Tanti. (2013). *Tabarruj dalam al-Quran dan Sunnah*. Indonesia: Fakultas Syariah dan Ekonomi Islam.

Tanti, T. (2013). Tabarruj Dalam Al-quran Dan Sunnah. *Istishlah Jurnal Hukum Islam*, 6(2), 119-133.

Ai-Tirmidzi, Abu Isa Muhammad Ibn Musa al-Dahhaq al-Sulami. (1987). *Sunan al-Tirmidzi*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

Umar Muhammad Noor. (2012). *Fiqah Fesyen Perempuan*. Dlm Majalah al-Ustaz isu no 15. hlm 21-23. Telaga Biru Sdn Bhd.Kuala Lumpur.

Umar Muhammad Noor. (2012). *Halal dan Haram Dalam Berfesyen*. Dlm Majalah al-Ustaz isu no 15, hlm 18-19. Telaga Biru Sdn Bhd.Kuala Lumpur.

Az-Zuhaili, Wahbah. (2010). *Al-Fiqh al-Islam wa Adillatuhu* Jld 7. Damaskus: Dar al-Fikr. Cetakan 6.

RUJUKAN INTERNET

Arbain Muhayat. 2008. *Adab berpakaian menurut Islam* dimuat turun pada 15 Jun 2014 dari <http://www.ipislam.edu.my/index.php/artikel/read/207/-Adab-berpakaian-menurut-Islam>

Berita Harian Online dimuat turun pada 15 Jun 2014

Hadis Shahih dimuat turun pada 13 November 2014: dari www.dorar.net

Hadis Shahih dimuat turun pada 13 November 2014: dari <http://hadith.al-islam.com/>

Mohd Ilham @Amir (2010). *4700 kes zina setiap hari di kalangan umat Islam, Malaysia*. Dimuat turun 28 April 2014: dari <http://denaihati.com/4700-kes-zina-setiap-hari-di-kalangan-umat-islam-malaysia>

Norazilawati Md Dahlal. Tt. *Fesyen Muslimah: Adakah Rekaannya sudah hilang sentuhan Roh Syariat Islam?*. Universiti Sains Malaysia dimuat turun pada 2 Jan 2014 dari <http://noradahlal.blogspot.com/>

[jawami-al-kalim-hadith-encyclopedia](http://www.islamweb.net/jawami-al-kalim-hadith-encyclopedia). Islamweb.net.

anak luar nikah lahir setiap hari lapor jpn/ dimuat turun pada 13 Mei 2017 dari <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/09/13/140>

Statistik anak luar nikah dimuat turun pada 13 Mei 2017 dari <http://www.bharian.com.my/node/192319>.

Nor Afzan Mohamad Yusof (2014). *Gangguan Seksual di tempat kerja*. Dimuat turun pada 13 Mei 2017 dari Berita Harian. <http://www.mtuc.org.my/bm-gangguan-seksual-di-tempat-kerja/?lang=MS>

Guru wanita trauma dicabuli. Dimuat turun pada 13 Mei 2017 dari <http://boyzonne-hijaurimba.blogspot.my/2012/05/.html>

Wanita kerja empat hari dicabul majikan. 2015. Dimuat turun pada 13 Mei 2017 dari <http://www.sinarharian.com.my/edisi/johor/wanita-kerja-empat-hari-trauma-dicabul-majikan-1.394189>

Definisi pegawai perkhidmatan awam dimuat turun pada 13 Mei 2017 dari <http://www.jpapencen.gov.my/CAT289562/Published/perkara132-Ma.Html>

Definisi pegawai perkhidmatan pendidikan dimuat turun pada 13 Mei 2017 dari Portal rasmi Suruhanjaya pkhidmatan pelajaran Malaysia http://www.spp.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=441&Itemid=936&lang=my

Slide

Adibah Abdul Latif, (2015). *Asas Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data*. Universiti Teknologi Malaysia